

BELAJAR KEMAHIRAN MENGENAL HURUF MENGGUNAKAN AKTIVITI MEMBENTUK DOH

(Learning Identifying Alphabet Skill Through Activity Using Dough Shaping)

NOOR AINI AHMAD

Universiti Pendidikan Sultan Idris
noor.aini@fppm.upsi.edu.my

NUR LIYANA ABD. LATIFF

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Dihantar pada:

18 Februari 2015

Diterima pada:

28 April 2015

Koresponden:

noor.aini@fppm.upsi.edu.my

Abstrak: Aktiviti membentuk doh boleh diaplikasikan untuk membantu murid bermasalah pembelajaran mempelajari kemahiran mengenal huruf. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana aktiviti menggunakan membentuk doh dapat membantu meningkatkan penguasaan mengenal huruf dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran. Kajian eksperimental kuasi dijalankan terhadap enam orang murid bermasalah pembelajaran yang dipilih secara pensampelan bertujuan di tiga buah sekolah menengah yang menjalankan Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Pembelajaran) di dua buah daerah di negeri Perak Darul Ridzuan. Kumpulan kawalan di Sekolah A terdiri daripada dua orang murid (M1 dan M2) manakala rawatan dijalankan di Sekolah B dan Sekolah C. M3 dan M4 di Sekolah B menerima Rawatan 1 menggunakan aktiviti membentuk doh manakala M5 dan M6 di Sekolah C menerima Rawatan 2 menggunakan aktiviti percikan. Alat kajian terdiri daripada ujian pra dan ujian pasca dan kajian telah dilaksanakan selama tiga bulan. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan pencapaian dalam kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pencapaian skor peserta kajian dalam Kumpulan Rawatan 1 (aktiviti menggunakan membentuk doh) di Sekolah B telah meningkat lebih tinggi berbanding pencapaian skor peserta kajian dalam Kumpulan Rawatan 2. M3 memperoleh 33 peratus semasa ujian pra dan meningkat kepada 50 peratus semasa ujian pasca manakala M4 pula menunjukkan peningkatan skor dari 67 peratus kepada 100 peratus. Kajian ini menunjukkan aktiviti menggunakan membentuk doh boleh digunakan untuk mengajar kemahiran mengenal huruf secara lebih mudah. Kajian ini juga mencadangkan supaya modul pengajaran mengenal huruf menggunakan aktiviti membentuk doh dibangunkan bagi membantu guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.

Kata kunci: murid bermasalah pembelajaran, kemahiran mengenal huruf, aktiviti menggunakan membentuk doh

Abstract: Dough shaping activity can be applied to help students with learning disability to learn alphabet identifying skill. This research aim to see how far students with learning disability can increase mastery in identifying alphabets through activity using dough shaping. Quasi experimental research is done to six students with learning disability that were chosen through purposive sampling in three secondary school who run Special Education Integration Program (Learning Disability) from two district in the state of Perak Darul Ridzuan. A control group in School A consists of two students (M1 and M2) while treatment were carried out in School B and School C. M3 and M4 of School B received Treatment 1 utilising activity using dough shaping while M5 and M6 of School C received Treatment 2 using splashing activity. Research instrument is made up from pre-test and post-test and the research is carried out in the period of three month. Research findings show that an increase in achievement in Treatment Group compared to Control Group. The research also discovers that score of achievement of research participants in Treatment Group 1 (activity using dough shaping) of School B had increased exponentially than score of research participants in Treatment Group 2. M3 obtained 33 percent during pre-test and give rise to 50 percent in post-test while M4 shows an improvement from 67 to a 100 percent. This research proves that activity that use dough shaping can be used to teach identifying alphabet skill in a simpler method. This research suggests that a teaching module to identify alphabets using dough shaping is developed to assist teachers in carrying out teaching and learning process effectively.

Keyword: Students with learning disability, alphabet identifying skill, activity using dough shaping

PENGENALAN

Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan pendidikan (Pendidikan Khas) 1997 Bahagian II 3(2) menyatakan bahawa seseorang murid dengan bermasalah pembelajaran adalah boleh dididik jika dia mampu untuk mengurus diri sendiri tanpa bergantung kepada orang lain dan disahkan oleh panel yang terdiri daripada pengamal perubatan, pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, sebagai berupaya mengikuti Program Pendidikan Kebangsaan dan layak untuk menghadiri Program Pendidikan Khas (1) murid yang cacat anggota tetapi mempunyai kebolehan mental untuk belajar seperti murid biasa dan (2) murid yang mempunyai pelbagai kecacatan atau yang sangat cacat anggotanya atau yang terencat akal berat. Malah pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dibentuk adalah fleksibel selaras dengan Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997, iaitu guru-guru boleh mengubah suai kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran, masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai tujuan dan matlamat Pendidikan Khas (KPM 2003).

Semua individu seharusnya mendapat kebaikan daripada peluang pendidikan yang direka khusus untuk mereka bagi mencapai keperluan pembelajaran asas (seperti literasi, ekspresi lisan dan menyelesaikan masalah) dan kandungan pembelajaran asas (seperti pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap) (*World Declaration on Education for All* 1994). Respon daripada kanak-kanak boleh berlaku dalam pelbagai cara kerana mereka mempunyai kebolehan berbeza. Mereka boleh belajar bahasa dengan baik menggunakan pembelajaran individu (Ross, Larkin dan Callaghan, 2002).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mendasari transformasi sistem pendidikan negara bagi tempoh 15 tahun akan datang. Transformasi pendidikan yang bermatlamat melengkapkan kanak-kanak di Malaysia dengan pengetahuan tentang kemahiran baharu, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan bagi menangani cabaran abad ke-21. PPPM telah menetapkan dengan jelas sasaran yang perlu dicapai dari segi kualiti, ekuiti dan akses (KPM 2013). PPPM hanya boleh dicapai jika guru

komited dan bekerja keras bagi melaksanakan amalan pengajaran berkesan. Kaedah pengajaran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu bertepatan dengan kebolehan murid.

Aktiviti terapi seni boleh digunakan sebagai kaedah pengajaran bagi membantu individu berkeperluan khas mencapai perkembangan kognitif, emosi, sosial dan psikomotor secara maksimum dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Yasmin 2013). Perancangan pengajaran yang rapi wajar dilakukan jika guru berhasrat untuk menggunakan terapi seni dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar murid bermasalah pembelajaran yang merupakan golongan yang mempunyai ketidakupayaan, kecacatan, halangan atau rintangan dapat mencapai perkembangan dari segi kognitif, emosi, sosial atau psikomotor. Aktiviti menggunakan membentuk doh merupakan salah satu daripada terapi seni yang dilihat dapat membantu perkembangan murid bermasalah pembelajaran menguasai kemahiran mengenal huruf.

Perancangan pengajaran biasanya disediakan berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Peringkat Rendah dan Menengah di Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Pembelajaran) di mana antara komponen yang diajar termasuklah komponen Bahasa Malaysia. Oleh kerana murid bermasalah pembelajaran mempunyai keupayaan yang berbeza maka guru seharusnya menyediakan aktiviti pembelajaran yang sesuai dan berkesan mengikut tahap kebolehan mereka. Guru perlu merancang dan memilih aktiviti pembelajaran secara lebih kreatif untuk membantu perkembangan potensi diri, kebolehan, keupayaan, bakat serta dapat menarik minat mereka untuk belajar.

PERNYATAAN MASALAH

Belajar kemahiran prabacaan yang merangkumi kemahiran pengamatan dan mengenal huruf /a/ hingga huruf /z/ selalunya merupakan cabaran dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran sederhana dan teruk (Whitehurst dan Lonigan 2001). Malah murid Tahap Satu yang mengikuti Program *Literacy and Numeracy Screening* (LINUS) juga berhadapan untuk masalah untuk menguasai konstruk 1 dan 2, iaitu mengenal huruf

kecil dan besar. Sekiranya kemahiran asas membaca tidak dikuasai oleh kanak-kanak maka mereka berisiko untuk gagal dalam sistem persekolahan.

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana aktiviti menggunakan membentuk doh dapat membantu meningkatkan penguasaan mengenal huruf dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran dan satu soalan kajian dikemukakan, iaitu: Adakah aktiviti membentuk doh dapat meningkatkan pencapaian murid menguasai kemahiran mengenal huruf?

MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN

Murid bermasalah pembelajaran seperti sindrom down, autisme, hiperaktif, terencat akal dan kurang upaya dalam pembelajaran seperti disleksia memerlukan sokongan dan bimbingan daripada individu yang lebih berpengetahuan dalam banyak perkara dalam kehidupan mereka. Mereka lazimnya menunjukkan masalah dalam pembelajaran di mana mereka kurang memberi tumpuan, mudah lupa, menunjukkan masalah pengamatan di mana koordinasi motor kasar dan halus biasanya lemah, masalah komunikasi, sosialisasi, imaginasi dan pemahaman konsep.

Deborah (2011) menyatakan bahawa kanak-kanak bermasalah pembelajaran terdiri daripada mereka yang mengalami kecelaruan atau gangguan disebabkan oleh kecacatan, kecederaan otak, kefungsi otak minima, disleksia serta aphasia dan bukannya kanak-kanak yang mengalami masalah penglihatan, masalah pendengaran, kecacatan anggota, kerencatan akal, ataupun gangguan emosi. Mohd Zuri dan Aznan (2013) menyatakan bahawa murid-murid bermasalah pembelajaran memerlukan metodologi pengajaran yang dapat menggalakkan proses interaksi dan ini bergantung kepada keupayaan serta kebolehan guru untuk mengenal pasti cara murid itu bertingkah laku.

Menurut Abd. Rahim (2006), murid bermasalah pembelajaran terdiri daripada kanak-kanak yang mempunyai masalah kognitif iaitu kerencatan akal yang dianggap boleh dididik dan boleh mendapat manfaat pendidikan formal di sekolah. Dalam konteks kajian ini, murid-murid bermasalah pembelajaran belajar di dalam bilik darjah mengikut tahap kebolehan mereka dengan kriteria penempatan ditetapkan oleh pihak

bertanggungjawab di sekolah (di mana kajian ini dijalankan). Sindrom down terbahagi kepada tiga jenis iaitu trisomi 21 standard, trisomi 21 mozek dan trisomi translokasi. Antara ciri-ciri fizikal kanak-kanak sindrom down ialah mata condong ke bawah atau ke atas, mempunyai lapisan kulit dalam mata, belahan kelopak mata biasanya pendek dan cetek, bentuk muka leper, kepala lebih kecil daripada kebiasaan, telinga kecil dan selalunya berkedudukan rendah, mulut kelihatan kecil dan bibir agak nipis, bentuk leher lebih pendek, kaki dan tangan pendek, tapak tangan lebar dan rata, jari-jari pendek, otot yang lemah, tapak kaki lebar dan jari kaki pendek.

Kebiasaannya kanak-kanak sindrom down mempunyai ketidakupayaan intelek ringan dan sederhana ringan. Namun, kanak-kanak sindrom down ringan berupaya untuk belajar tetapi guru perlu merancang dan mengubah suai proses pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap keupayaan mereka.

National Down Syndrome Society, USA (2003) menyatakan bahawa satu daripada 800 hingga 1000 kanak-kanak dilahirkan sebagai sindrom down dan perkara ini berpunca daripada lebihan kromosom pada pasangan kromosom ke-21 yang juga dikenali sebagai trisomi 21. Risiko ibu mengandung yang berumur 25 tahun adalah 1 nisbah 1250 manakala risiko ibu mengandung yang berumur 40 tahun adalah 1 nisbah 100 untuk mendapat anak sindrom down.

Menurut Chen Yin, Mohd. Hanafi dan Mokhtar (2012), masalah pembelajaran spesifik termasuklah disleksia, lembam, masalah pembelajaran, serebral palsy, pintar cerdas, perkembangan lewat global, perkembangan lewat, masalah pertuturan, epilepsi, spesifik perkembangan lewat dan kecacatan fizikal. Mohd Zuri dan Aznan (2011) menyatakan disleksia ialah mereka yang mengalami kesukaran untuk membaca iaitu tidak dapat menterjemahkan lambang-lambang bertulis dengan betul sama ada dalam bentuk abjad, suku kata atau perkataan.

Murid-murid disleksia boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu diskalkulia, disgrafia dan apraksia. IDEA (1997) menyatakan bahawa lembam ialah kecelaruan satu atau lebih pada proses psikologikal kanak-kanak dengan mengaitkan pemahaman atau bahasa (menulis dan membaca) yang boleh mengganggu kemahiran mendengar, berfikir, bertutur, membaca, menulis,

mengeja dan mengira. Noor Aini (2010) menyatakan amalan pengajaran berkesan boleh dilaksanakan sekiranya guru memahami keperluan setiap murid dalam bilik darjah mereka.

TERAPI SENI

Menurut Mason, Thormann dan Steedly (2004), terapi seni boleh diajar sebagai satu proses untuk memperkembangkan bakat dan potensi serta boleh diintegrasikan merentasi mata pelajaran. Yasmin (2013) menyatakan terapi seni merupakan satu bentuk terapi emosi dan tingkah laku. Terapi seni menggunakan media seni, imej, proses kreativiti dan tindak balas individu bagi menghasilkan produk sebagai mencerminkan perkembangan, kebolehan, personaliti, minat, kerisauan dan pertelingkahan individu.

Jarboe (2002) pula menegaskan terapi seni adalah penggunaan terapeutik dalam menghasilkan seni untuk mempromosi rawatan dalam satu perhubungan professional. Beliau menegaskan bahawa terapi seni perlu dilaksanakan dalam sistem persekolahan kini sebagai satu keperluan bagi memenuhi permintaan murid yang mahukan bantuan secara klinikal. Guru boleh menggunakan terapi seni dalam bentuk ekspresif melalui media warna, kapur dan pensel yang diintegrasikan secara kreatif. Terapi seni secara amnya boleh membantu murid berkeperluan khas yang mempunyai permasalahan dalam pembelajaran, tingkahlaku, gangguan emosi atau kecacatan fizikal untuk belajar dengan lebih berkesan.

Menurut Swartz (2005), penggunaan membentuk doh sebagai aktiviti pembelajaran boleh menarik minat kanak-kanak prasekolah untuk belajar secara *hands on* sambil menggalakkan penggunaan domain psikomotor, afektif dan kognitif. Nor Hashimah dan Yahya (2003) menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pergerakan motor halus seperti menggentel membentuk doh dapat memberi peluang kanak-kanak prasekolah melibatkan diri dengan kemahiran manipulatif.

Felicia (2009) menggunakan teknik menguli dan menggentel membentuk doh untuk mengajar kanak-kanak membentuk huruf. Justeru, penggunaan membentuk doh dilihat sesuai digunakan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran mengenal huruf bagi murid bermasalah pembelajaran.

Salah satu kaedah pengajaran yang boleh digunakan ialah melalui aktiviti seni. Kaedah aktiviti seni diyakini dapat mengurangkan tekanan emosi atau trauma kerana melalui seni membangkitkan pengalaman deria awal dan simbolik yang terdapat sepanjang perkembangan manusia (Malchiodi, 2012).

Kaedah aktiviti seni mampu meningkatkan keupayaan kognitif murid untuk meneroka pengalaman baharu melalui kemahiran motor kasar dan halus. Aktiviti seni boleh membantu mengatasi masalah pembelajaran kerana dapat menenangkan fikiran dan menstabilkan emosi (Dorff 2012). Kaedah aktiviti seni juga merupakan satu perkhidmatan sokongan yang lazim digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran kognitif, psikomotor dan afektif (Catteral 2009).

Kajian ini menggunakan aktiviti membentuk doh untuk mengajar kemahiran mengenal huruf dalam kalangan murid-murid bermasalah pembelajaran. Aktiviti seumpamanya turut pernah dilaksanakan dengan jayanya dalam kalangan murid-murid Tahap Satu yang masih belum menguasai kemahiran mengenal huruf.

KEMAHIRAN PRABACAAN

Khairuddin Mohamad (2011) mendefinisikan literasi bahasa Malaysia sebagai proses melihat kemampuan minimum murid membaca dan menulis dalam bahasa Malaysia. Mahzan Arshad (2008) pula mentakrifkan kemahiran literasi sebagai keupayaan seseorang itu membaca dan menulis. Proses pengajaran dan pembelajaran literasi di dalam bilik darjah perlulah melampaui proses mendidik murid supaya mahir membaca dan menulis. Hal ini terjadi kerana keperluan terhadap kemahiran yang lain seperti kemahiran mendengar dengan berkesan, mendiskriminasikan maklumat yang didengar dan dibaca, mencatat maklumat penting, berkomunikasi, berfikir dan berinteraksi guru dengan murid amat penting di samping pendidikan membaca dan menulis yang asas.

Menurut Syed Abu Bakar (1994), aktiviti kesediaan membaca terbahagi kepada dua iaitu peringkat prabacaan dan bacaan. Peringkat bacaan meliputi kemahiran pengamatan pendengaran, kemahiran pengamatan penglihatan, aktiviti koordinasi psikomotor, latihan menajamkan daya

ingatan dan latihan bahasa pertuturan. Prabacaan ialah tahap penyediaan murid-murid untuk membaca di mana guru perlulah menyediakan pengalaman bahasa, iaitu mengenal dan mengecam huruf. Jika tahap prabacaan tidak dicapai terlebih dahulu, usaha untuk mengajarkan kemahiran membaca bukan sahaja sia-sia malah boleh menimbulkan kesan yang amat buruk kepada murid-murid bermasalah pembelajaran, ibu bapa dan guru.

Semasa proses bacaan, guru perlulah menyediakan pengalaman bahasa iaitu mengenal dan mengecam huruf. Murid bermasalah pembelajaran perlu didedahkan dengan aktiviti yang boleh mendorong mereka meningkatkan ketajaman penglihatan dan pendengaran. Menurut Ismail, Salmah dan Choong (1992), tahap prabacaan merupakan satu tempoh menyediakan murid-murid untuk membaca. Menurut Husin, Nazariyah, Mastura, Mastura dan Siti Hajar (2011), konsep prabacaan merupakan kemampuan dan tahap kesediaan seseorang itu untuk menerima pengajaran dari segi mental, emosi dan fizikal.


Wilder dan Williams (2001) telah menjalankan satu kajian eksperimen di 10 buah bilik darjah Pendidikan Khas yang dipilih secara rawak selama dua bulan. Kajian ini bertujuan untuk melihat sama ada kanak-kanak boleh belajar kemahiran kefahaman jika disediakan dengan pengajaran bersesuaian. Setiap bilik darjah mempunyai sama ada enam, tujuh atau lapan orang kanak-kanak. Mereka mengubah suai satu program dengan menambah aktiviti-aktiviti baharu. Seramai 91 orang kanak-kanak yang terdiri daripada 59 orang kanak-kanak lelaki dan 32 orang kanak-kanak perempuan di tiga buah sekolah di New York mengambil bahagian. Kajian menunjukkan kumpulan rawatan yang mengikuti program yang telah diubah suai memperolehi skor yang lebih tinggi dalam memahami konsep berupaya untuk mengecam pasti dan menggunakan tema yang dipelajari dalam situasi atau kehidupan sebenar. Kajian ini juga mendapati kanak-kanak bermasalah pembelajaran teruk boleh mendapat manfaat daripada pengajaran jika dibentuk berdasarkan keperluan pengajaran khusus untuk mereka.

METODOLOGI

Kajian kuasi eksperimental dilaksanakan terhadap enam peserta kajian yang terdiri daripada murid bermasalah pembelajaran di tiga buah sekolah yang menjalankan Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Pembelajaran) di mana dua orang murid bermasalah pembelajaran dipilih secara bertujuan. Aktiviti membentuk doh dilaksanakan dalam kumpulan rawatan di Sekolah B dan C selama tiga bulan.

Peserta dan Tempat Kajian

Peserta kajian dipilih secara pensampelan bertujuan dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran di tiga buah sekolah. Sekolah A, Sekolah B dan Sekolah C dipilih berdasarkan pertimbangan pengkaji sendiri. Menurut Othman (2014), tempat kajian perlu bersesuaian dengan pemilihan peserta kajian, mudah diakses dan dihubungi. Rajah 1 menunjukkan tiga buah sekolah terlibat dalam kajian ini di mana peserta kajian di Sekolah A sebagai kumpulan kawalan manakala peserta kajian di Sekolah B dan C menerima rawatan.



Rajah 1: Peserta kajian dan tempat kajian

Peserta kajian terdiri daripada enam orang murid bermasalah pembelajaran. Semua peserta kajian merupakan murid bermasalah pembelajaran. Kumpulan kawalan di Sekolah A terdiri daripada dua orang peserta kajian (M1 dan M2). Dua orang

peserta kajian di Sekolah B (M3 dan M4) menerima Rawatan 1, iaitu belajar mengenal huruf menggunakan aktiviti membentuk doh manakala dua orang peserta kajian di Sekolah C (M5 dan M6) menerima Rawatan 2, iaitu belajar mengenal huruf menggunakan aktiviti percikan.

Jadual 1: Peserta kajian dalam kuasi eksperimental

Peserta Kajian	Umur	Jantina	Kategori	Sekolah	Kump.
Murid 1 (M1)	19	Lelaki	Perkembangan lewat	A	Kawalan
Murid 2 (M2)	19	Lelaki	<i>Slow learner</i>	A	Kawalan
Murid 3 (M3)	15	Lelaki	<i>Slow learner</i>	B	Rawatan 1
Murid 4 (M4)	16	Lelaki	Perkembangan lewat	B	Rawatan 1
Murid 5 (M5)	16	Lelaki	Perkembangan lewat	C	Rawatan 2
Murid 6 (M6)	15	Perempuan	Sindrom Down	C	Rawatan 2

Jadual 1 menunjukkan enam orang peserta kajian di tiga sekolah iaitu Sekolah A, Sekolah B dan Sekolah C. M1 berusia 19 tahun, lelaki dan dikenalpasti sebagai murid perkembangan lewat, M2 berusia 19 tahun, lelaki dan dikenalpasti sebagai murid *slow learner*, M3 berumur 15 tahun, lelaki dan dikenalpasti sebagai *slow learner*, M4 dan M5 masing-masing merupakan murid lelaki yang dikenalpasti sebagai murid perkembangan lewat yang berusia 16 tahun dan M6 merupakan murid perempuan yang dikenalpasti sebagai murid sindrom down yang berumur 15 tahun.

Alat Kajian

Alat kajian terdiri daripada ujian pra dan ujian pasca. Ujian pra mengandungi enam bahagian di mana bahagian satu mengandungi butiran diri murid manakala bahagian dua merupakan bahagian arahan iaitu peserta kajian diminta menyebut huruf dengan betul. Jadual 2 menunjukkan bahagian tiga dalam ujian pra yang mengandungi enam huruf yang disusun secara rawak mengikut kelompok. Bahagian empat berkaitan respon guru tentang huruf yang gagal disebut oleh peserta kajian dan tarikh ujian pra dinilai. Ujian pasca juga terbahagi kepada enam bahagian seperti ujian pra.

Jadual 2: Susunan huruf mengikut kelompok

Kelompok	Huruf					
1	a	c	e	o	s	z
2	k	f	t	l	i	r
3	m	n	h	u	y	w
4	b	d	p	g	q	j
5	v	x				

Jadual 2 menunjukkan huruf rumi dikelompok kepada lima kelompok mengikut bentuknya. Kaedah mengelompokkan huruf ini telah pengkaji gunakan dalam dua Program Bersama Komuniti di negeri Perak.

Proses Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data direplika sepenuhnya daripada kajian Noor Aini (2010) di mana beliau menyatakan seorang pengkaji merupakan alat kajian utama. Pengkaji perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan bagi menjalankan kajian kualitatif dan kuantitatif terutama berkaitan kemahiran mengumpul data. Noor Aini memperincikan proses pengumpulan data kepada empat tahap, iaitu (1) tahap memeta kajian, (2) tahap persediaan awal, (3) tahap semasa pengumpulan data dan (4) tahap pengurusan data. Kesemua tahap ini penting dan perlu diikuti dengan teliti bagi memastikan kelancaran kajian.

Dalam tahap memeta kajian, pengkaji mengenal pasti fenomena dan masalah kajian, memilih kaedah kajian, menetapkan tujuan dan membina soalan kajian. Pengkaji juga membina alat kajian, memilih peserta kajian, mengenal pasti tempat kajian dan menetapkan tempoh kajian.

Pengkaji mendapatkan kebenaran bertulis daripada Bahagian Perancangan dan penyelidikan Dasar, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri dalam tahap persediaan awal. Selain itu, pengkaji juga mendapatkan surat pengesahan pelajar dari Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia (FPPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Tahap semasa pengumpulan data dimulakan dengan pentadbiran ujian pra. Rawatan dijalankan di Sekolah A dan Sekolah B selama tiga bulan. Peserta kajian di Sekolah B diajar menggunakan aktiviti membentuk doh manakala peserta kajian di Sekolah C diajar menggunakan aktiviti percikan. Pengkaji telah memberi taklimat ringkas tentang

panduan menjalankan kedua-dua rawatan kepada seorang guru di setiap sekolah. Guru di Sekolah B mengajar kemahiran mengenal huruf menggunakan aktiviti membentuk doh pada waktu pengajaran Bahasa Malaysia mengikut jadual kumpulan masing-masing, iaitu tiga kali seminggu dan setiap waktu pengajaran mengambil masa selama 45 minit.

Guru di Sekolah C mengajar kemahiran mengenal huruf menggunakan aktiviti percikan pada waktu pengajaran Bahasa Malaysia mengikut jadual kumpulan masing-masing, iaitu tiga kali seminggu dan setiap waktu pengajaran mengambil masa selama 45 minit. Ujian pasca dijalankan selepas tempoh rawatan tamat.

Peserta kajian dalam Kumpulan Rawatan 1 diminta melihat kad huruf yang ditunjukkan oleh guru iaitu huruf yang gagal disebut oleh mereka dalam ujian pra. Seterusnya aktiviti menggelek dan membentuk doh mengikut bentuk huruf di atas kad huruf dijalankan. Peserta kajian diminta untuk menyebut nama huruf setiap kali mereka berjaya membentuk huruf dengan betul tanpa menggunakan kad huruf.

Peserta kajian dalam Kumpulan Rawatan 2 juga diminta melihat kad yang ditunjukkan oleh guru iaitu huruf yang gagal disebut oleh murid dalam ujian pra. Peserta kajian dibimbing mengenal huruf melalui aktiviti percikan menggunakan berus gigi lama/terpakai di atas kad huruf yang telah ditebuk mengikut bentuk huruf. Kad huruf kemudiannya diletakkan di atas sehelai kertas lukisan dan aktiviti merenjis dijalankan dengan bimbingan guru. Peserta kajian diminta menyebut nama huruf setiap kali mereka berjaya menghasilkan huruf dengan betul.

Proses Penganalisisan Data

Data yang dikumpul dalam ujian pra dan ujian pasca dianalisis menggunakan rumus berikut bagi mendapatkan peratusan dan kekerapan.

$$\frac{n}{6} \times 100 = \text{_____peratus}$$

DAPATAN KAJIAN

Kumpulan Rawatan. Peserta kajian Kumpulan Kawalan (M1) di Sekolah A mencatat skor 83 peratus iaitu M1 dapat mengecam dan menyebut

lima daripada enam huruf dengan betul manakala M2 mencatat skor 50 peratus iaitu dapat mengecam dan menyebut tiga daripada enam huruf dengan betul. M1 tidak dapat mengenal dan menyebut huruf /z/ dan M2 tidak dapat mengenal dan menyebut huruf /c/ /e/ dan /s/.

Peserta kajian Kumpulan Rawatan 1, iaitu M3 di Sekolah B mencatat skor 33 peratus iaitu M3 dapat mengecam dan menyebut dua daripada enam huruf dengan betul manakala M4 mencatat skor 67 peratus iaitu dapat mengecam dan menyebut empat daripada enam huruf dengan betul. M3 tidak dapat mengenal dan menyebut huruf /e/ /o/ /s/ dan /z/ dan M2 tidak dapat mengenal dan menyebut huruf /s/ dan /z/.

Peserta kajian Kumpulan Rawatan 2, iaitu M5 di Sekolah C mencatat skor 0 peratus iaitu M5 tidak dapat mengecam dan menyebut keenam-enam huruf dengan betul manakala M6 mencatat skor 83 peratus iaitu dapat mengecam dan menyebut lima daripada enam huruf dengan betul. M5 tidak dapat mengenal dan menyebut huruf /a/ /c/ /e/ /o/ /s/ dan /z/ dan M6 tidak dapat mengenal dan menyebut huruf /z/.

Sekolah	Kumpulan Kawalan Sekolah A				Kumpulan Rawatan Sekolah B				Kumpulan Rawatan Sekolah C			
	Ujian Pra		Ujian Pasca		Ujian Pra		Ujian Pasca		Ujian Pra		Ujian Pasca	
Murid	M1	M2	M1	M2	M3	M4	M3	M4	M5	M6	M5	M6
/c/	1	1	1	1	1	1	1	1	0	1	0	1
/e/	1	0	1	0	1	1	0	1	0	0	0	1
/o/	1	0	1	1	0	1	1	1	0	1	0	1
/a/	1	1	1	1	0	1	1	1	0	1	1	1
/s/	1	0	1	0	0	0	0	1	0	1	0	1
/z/	0	1	0	1	0	0	0	1	0	1	0	1
Jumlah	5	3	5	4	2	4	3	6	0	5	1	6
Peratus	83	50	83	67	33	67	50	100	0	83	17	100

Jadual 3 juga menunjukkan keputusan ujian pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan. Peserta kajian dalam Kumpulan Kawalan, iaitu M1 di Sekolah A mencatat skor 83 peratus iaitu M1 dapat mengecam dan menyebut lima daripada enam huruf dengan betul manakala M2 mencatat skor 67 peratus iaitu dapat mengecam dan menyebut empat daripada enam huruf dengan betul. M1 tidak dapat mengenal dan menyebut huruf /z/ dan M2 tidak dapat mengenal dan menyebut huruf /e/ dan /s/.

Peserta kajian Kumpulan Rawatan 1, iaitu M3 di Sekolah B mencatat skor 50 peratus iaitu

M3 dapat mengecam dan menyebut tiga daripada enam huruf dengan betul manakala M4 mencatat skor 100 peratus iaitu dapat mengecam dan menyebut enam daripada enam huruf dengan betul. M3 masih tidak dapat mengenal dan menyebut huruf /e/ /s/ dan /z/.

Peserta kajian Kumpulan Rawatan 2, iaitu M5 di Sekolah C mencatat skor 17 peratus di mana M5 dapat mengecam dan menyebut satu daripada enam huruf dengan betul manakala M6 mencatat skor 100 peratus iaitu dapat mengecam dan menyebut enam daripada enam huruf dengan betul. M5 masih tidak dapat mengenal dan menyebut huruf /c/, /e/, /o/, /s/ dan /z/. Walaubagaimanapun, M5 menunjukkan peningkatan dalam keputusan ujian pos jika dibandingkan dengan pencapaian ujian pra iaitu peningkatan 0 peratus kepada 17 peratus.


Rajah 2 menunjukkan perbandingan skor pencapaian peserta kajian Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan dalam ujian pra dan ujian pos. Peserta kajian M1 tidak menunjukkan sebarang peningkatan di dalam ujian pos berbanding ujian pra dengan memperoleh 83 peratus dalam ujian pra dan ujian pos manakala peserta kajian M2 menunjukkan sedikit peningkatan dalam skor pencapaian semasa ujian pos berbanding skor pencapaian semasa ujian pra iaitu dari 50 peratus meningkat menjadi 67 peratus. Beza skor pencapaian ujian pra dan ujian pos M3 ialah sebanyak 17 peratus.

Kumpulan Rawatan 1 iaitu peserta Sekolah B yang menerima rawatan terapi seni membentuk huruf menggunakan aktiviti membentuk doh masing-masing menunjukkan peningkatan iaitu M3 memperoleh 33 peratus semasa ujian pra dan meningkat kepada 50 peratus semasa ujian pos dilaksanakan. M4 pula menunjukkan peningkatan yang mendadak dalam skor pencapaian ujian pos berbanding ujian pra iaitu dari 67 peratus kepada 100 peratus. .

Kumpulan Rawatan 2 iaitu Sekolah C yang menerima rawatan terapi seni menggunakan kaedah percikan juga menunjukkan peningkatan iaitu M5 menunjukkan peningkatan sebanyak 17 peratus iaitu daripada memperoleh 0 peratus semasa ujian pra meningkat kepada 17 peratus semasa ujian pos manakala M6 juga menunjukkan peningkatan selepas rawatan aktiviti percikan dilaksanakan iaitu peningkatan skor pencapaian sebanyak 17 peratus iaitu sebanyak 83 peratus

diperoleh ketika ujian pra dijalankan dan meningkat kepada 100 peratus semasa ujian pos.

Rajah 2 menunjukkan perbandingan skor ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Pencapaian peserta kajian dalam Kumpulan Rawatan 1 yang menerima rawatan menggunakan aktiviti membentuk doh dilihat lebih baik berbanding Kumpulan Rawatan 2 yang menerima rawatan menggunakan aktiviti percikan. Graf bar menunjukkan dengan jelas peningkatan skor pencapaian Kumpulan Rawatan 1 berbanding skor pencapaian peserta kajian dalam Kumpulan Rawatan 2.



Rajah 2: Perbandingan skor ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan

PERBINCANGAN

Analisis kajian menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian murid dalam kemahiran mengenal huruf bagi murid bermasalah pembelajaran yang menerima rawatan menggunakan aktiviti membentuk doh dan percikan berbanding murid yang tidak menerima rawatan. Peningkatan pencapaian yang direkodkan telah menunjukkan bahawa terapi seni membantu peserta kajian dalam kumpulan rawatan menguasai kemahiran mengenal huruf. Aktiviti membentuk huruf menggunakan aktiviti membentuk doh dan aktiviti percikan didapati menarik minat peserta kajian dalam kumpulan rawatan untuk belajar mengenal huruf.

Kajian juga mendapati kumpulan rawatan yang menggunakan membentuk doh lebih berkesan berbanding aktiviti menggunakan percikan. Dapatan kajian ini menyokong dapatan Felicia (2009) bahawa aktiviti menggunakan membentuk doh telah meningkatkan kemahiran mengenal dan menyebut huruf kalangan murid. Dapatan kajian juga menyokong kajian yang dijalankan oleh Khairul Nadiah dan Hasizan (2013) bahawa terapi seni membantu meningkatkan pencapaian murid dalam kemahiran mengenal huruf. Penggunaan membentuk doh ternyata berjaya meningkatkan kemahiran mengenal dan menyebut huruf dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran.

CADANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti membentuk doh dapat meningkatkan keupayaan murid menguasai kemahiran mengenal huruf. Kajian ini mencadangkan supaya panduan menjalankan aktiviti membentuk doh disediakan supaya guru dapat menambah kemahiran apabila mengajar bahasa Malaysia kepada murid bermasalah pembelajaran dan kumpulan murid berkeperluan khas yang lain. Pembinaan modul menggunakan aktiviti membentuk doh merupakan salah satu langkah yang efektif dalam usaha meningkatkan kemahiran mengenal huruf.

KESIMPULAN

Aktiviti membentuk doh sesuai digunakan untuk mengajar kemahiran mengenal huruf. Guru harus bersikap positif, berusaha dan sentiasa bersedia mengaplikasikan pelbagai teknik pengajaran bagi meningkatkan pencapaian murid-murid bermasalah pembelajaran dan menyediakan amalan pengajaran berkesan pada setiap masa.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 1 (1): 1-12.
- Felicia M. (2009). Biskut huruf meningkatkan bacaan. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Prasekolah*. Kuala Lumpur: IPGKBM.
- Husin Fateh Din, Nazariyah Sani, Mastura Mohamed Berawi dan Siti Hajar Idrus (2011). *Literasi bahasa Melayu*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Ismail Zakaria, Salmah Othman & Elly Chong. (1992). *Kemahiran membaca dalam asas kemahiran berbahasa KBSR*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jarboe, E.C. (2002). *Art therapy: A proposal for inclusion in school settings*. New Horizons for Learning.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2003). *Huraian sukatan pelajaran pendidikan khas bermasalah pembelajaran peringkat sekolah rendah dan menengah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Khairuddin Mohamad. 2011. *Literasi bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Khairul Nadiah Muhamod & Hasizan Dahalal (2013). *Meningkatkan kemahiran mengenal dan menyebut huruf yang kecil murid bermasalah pembelajaran aras sederhana melalui penggunaan membentuk doh*. Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan literasi bahasa Melayu: Strategi perancangan dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1996). Akta Pendidikan 1996: Peraturan-peraturan pendidikan (Pendidikan Khas). *Warta Kerajaan*.
- Mason, C.Y., Thormann, M. S., & Steedly, K. M. (2004). How students with disabilities learn inand through the arts: An investigation of educator perceptions. Diakses pada 20 November, 2014. <http://livingreseaRch.vsaarts.org>.
- Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah. (2003). *Panduan pendidikan prasekolah: Siri pendidikan prasekolah*. Kuala Lumpur: Percetakan Cergas (M) Sdn. Bhd
- Noor Aini Ahmad. (2010). pengajaran kemahiran bahasa pada kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*.

- Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Aisyah Abdul Hamid. (2012). *Batik*. Diakses pada 18 Disember 2014.
http://btbaa.blogspot.com/2012_01.html?m=1
- Swartz, M.I. (2005). *Play dough: What's standard about it?* Diakses pada 7 Februari 2012 dari www.journal.naeyc.org/about/permissions.aspx
- Syed Abu Bakar Syed Akil (1994). *Panduan kemahiran membaca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Whitehurst, G. J. & Lonigan, C. (2001). Emergent literacy: Development from prereaders to readers. Dlm. S. Neuman & D. Dickinson (Eds.). *Handbook of early literacy research*, 11-30. New York: Guilford.
- Yasmin Hussain (2013). *Terapi dalam pendidikan khas*. Selangor: Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.